

Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera: Pandangan Hamka

ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ


ABSTRACT

The focus of this article is on the thoughts of a prominent Indonesian Islamic scholar i.e. Hamka. He was a literary artist, da'ei, and leader of an Islamic movement. His influence persists throughout the Malay world, namely Malaysia, Singapore, Brunei and the Southern Thailand. Although he passed away 30 years ago, his thoughts still remained in the hearts and minds of Muslims in the Malay world. Hamka wrote extensively on philosophical issues, novels, and ethics of self-development related to the values of human happiness or human well-being. Thus the aim of this article is to discuss Hamka's thoughts on the definitions and meanings of humanistic values portrayed in his writings. The discussion in this article is mainly focussing on two of Hamka's writings i.e. Tasauf Moden (Modern Philosophy) and Tuan Direktur (Mr. Director).

PENGENALAN

Makalah ini bertujuan untuk memperkatakan tentang takrif, huraian dan sandaran nilai-nilai yang dipercayai oleh Hamka mengenai 'kehidupan sejahtera'. Bagi mencapai kehidupan sejahtera, individu mestilah mempunyai sejumlah nilai-nilai yang diamalkan. Justeru, nilai-nilai adalah konstruk minda yang mempengaruhi sikap dan membentuk tingkah laku. Nilai-nilai terbentuk dalam diri individu melalui sosialisasi, pendidikan, orbit persahabatan, bacaan dan interaksi dengan individu-individu lain. Kehidupan sejahtera adalah matlamat pembangunan negara, khususnya pembangunan dari perspektif Islam. Justeru, kehidupan sejahtera dapat membekalkan setiap individu dengan keperluan, kemudahan yang cukup, ketenangan dan kedamaian. Lantaran itu, ahli falsafah baik Islam atau bukan-Islam dan para ulama menekankan peri-pentingnya individu mengamalkan sejumlah nilai-nilai untuk mencapai kriteria kehidupan sejahtera.

Di Alam Melayu, Hamka adalah ulama kontemporari yang mencuba untuk mendidik umat, dengan menggali khazanah perbendaharaan lama warisan




falsafah Islam dan bukan-Islam, untuk membina kriteria nilai-nilai bagi mencapai kehidupan sejahtera. Oleh itu, makalah ini adalah bersifat pengolahan idea-idea falsafah dari karya-karya Hamka. Pengolahan makalah ini dimulakan dengan mengenali keperibadian, mengenali buku-buku utama dan pokok pemikiran yang diutarakan oleh Hamka. Daripada pembicaraan itu nanti akan terserlah nilai-nilai yang dapat mengangkat tingkah laku individu untuk mencapai kehidupan sejahtera. Pengolahan itu nanti akan didasarkan kepada buku Hamka yang terkenal iaitu *Tasauf Moden* manakala penceritaan pula akan diambil daripada *Tuan Direktur*, sebuah kisah yang dikira mewakili pertentangan antara dua golongan dalam kehidupan pada setiap zaman.

LATAR DIRI

Hamka, lahir pada 14 Muharram 1326 H atau 17 Februari 1908 di Nagari Sungai Batang, di tepi Danau Maninjau. Hamka meninggal dunia tepat jam 10.40 pagi hari Jumaat tanggal 24 Julai 1981 dalam usia 73 tahun 5 bulan. Ibunya, Safiah, hanya seorang wanita kampung. Ayahnya, Haji Rasul yang kemudian dikenali sebagai Doktor Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah, juga bukan orang berada tetapi ternama kerana kecerdasan, sumbangan sebagai ulama besar dan penggerak reformasi Islam di Minangkabau. Ayahnya juga adalah pemimpin dan guru di pasentren 'Sumatera Thawalib' di Padangpanjang.

Hamka adalah nama singkatan, yang lebih dikenali daripada nama penuhnya, Haji Abdul Malik bin Haji Abdul Karim Amrullah. Hamka keluar berhijrah dari kampung kelahiran pada tahun 1924 dalam usia 16 tahun untuk ke Yogyakarta. Di sini beliau menerima pendedahan ilmu dari tokoh-tokoh seperti HOS Cokroaminoto, RM Surjopranoto, Ki Bagus Hasikusomo dan Haji Fakhruddin. Hamka dikenali kerana karangan, ceramah dan kegiatan hidup yang dirakam oleh pengkritik, kawan dan lawan. Beliau dikenali kerana susuk pujangga, yang berjaya sebagai sasterawan, ulama, pendakwah, pemedato dan pimpinan majlis ulama yang teguh pendirian agamanya. Justeru itu, sehingga hari ini karya-karyanya dalam bentuk buku, tafsir al-Qur'an dan kaset masih diminati dan menjadi pedoman umat Islam.

Hamka belayar untuk menunaikan fardhu haji pada usia 19 tahun dan semasa hayatnya beliau berkesempatan menunaikan haji sebanyak tujuh kali. Beliau menampakkan keberanian untuk berpidato pada usia belasan tahun. Mulai usia 17 tahun mula menghasilkan karangan-karangan bermutu. Hamka mulai menyertai kongres-kongres Muhammadiyah sejak tahun 1928 dalam lingkungan usia 20 tahun sudah pun berjaya mengarang novel cerita pertamanya *Si Sabariah*. Sepanjang hayatnya, Hamka telah mengarang 113 judul buku. Antara yang terkenal adalah *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, *Tenggelamnya Kapal van der*



Wijck, Ayahku, Tasauif Moden dan banyak lagi. Sewaktu dalam tahanan 1964-1966 oleh pemerintahan Sukarno, Hamka telah berjaya menyelesaikan penulisan *Tafsir Al-Azhar* (30 jilid).


Hamka bukan sekadar pengarang, beliau juga seorang aktivis sosial yang bertunjangan cara hidup Islam. Beliau beberapa kali duduk sebagai pengurus pimpinan Muhammadiyah. Malah, beliau juga pernah menduduki Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) dan memenangi Pilihanraya 1955. Pada tahun 1959, Universiti Al-Azhar, Mesir telah memberi gelar *Doctor Honoris Causa*, kerana dianggap sebagai salah seorang ulama terbesar di Indonesia. Universiti Kebangsaan Malaysia telah juga menganugerahkan Doktor Falsafah Kehormat pada tahun 1974. Ternyata, sepanjang hayatnya, Hamka adalah hamba Allah s.w.t. yang meninggalkan amal-amal soleh yang berkekalan. Hamka adalah ketua umum pertama Majlis Ulama Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1975. Beliau kekal dalam jawatan itu sehinggalah beliau meletakkan jawatan kerana mempertahankan fatwa mengenai kehadiran umat Islam dalam perayaan Krismas atau Natal pada tahun 1981.

Demikian, riwayat ringkas kehidupan seorang tokoh ulama yang ingin dibincangkan dalam makalah ini, yang mana nilai-nilai anjuran beliau boleh dijadikan sebagai pedoman bagi mencapai kehidupan sejahtera. Justeru, bagi Hamka - "Falsafah sebagai penjelasan hidup; Kesusasteraan sebagai nyanyian hidup; Kesenian sebagai perhiasan hidup; Tasauif sebagai intisari hidup; dan Ibadat sebagai pegangan hidup".

PENDEKATAN

Saya mengambil pendekatan normatif dalam membicarakan soal nilai-budaya dalam kehidupan individu dan masyarakat adalah kerana keyakinan dan kesesuaian dengan situasi sosial. Situasi sosial yang kita hadapi adalah didasarkan kepada nilai yang nisbi, tidak tumbuh dari suatu akar agama dan budaya yang diwahyukan-Nya. Setiap hari kita dianjurkan untuk berpegang pada nilai-budaya progresif supaya kita dapat melonjakkan diri pada tangga kejayaan.

Dari segi susur galur ilmu sains sosial, pendekatan seumpama ini telah pun dibincangkan oleh ramai sarjana sains sosial. Di Alam Melayu, Sutan Takdir Alisjahbana seorang ilmuan Indonesia telah mengenal pasti dan mengkategorikan enam sistem nilai-budaya yang mempengaruhi kehidupan manusia. Sistem nilai-budaya itu ialah: nilai ilmu-pengetahuan, nilai ekonomi, nilai solidariti, nilai politik, nilai agama, dan nilai estetika (Sutan Takdir Alisjahbana 1974, 1982). Sesebuah masyarakat akan mencapai kemajuan yang tinggi jika anggota-anggotanya meletakkan nilai ilmu-pengetahuan dan nilai ekonomi di tingkat teratas. Mereka




ini dikatakan sebagai menganut nilai-nilai progresif. Manakala, suatu masyarakat yang meletakkan nilai solidariti dan nilai politik sebagai keutamaan akan menjadi sebuah masyarakat yang baik ikatan sosialnya atau integrasi tetapi tidak mencapai tahap progresif. Akhirnya, masyarakat seumpama orang Melayu dikatakan mundur kerana meletakkan keutamaan pada nilai agama dan nilai estetika, yang lebih ekspresif sifatnya. Walaupun dalam fikiran saya ada pembahagian seumpama yang saya nyatakan ini, tetapi tujuan yang saya gariskan di awal makalah membawa kita untuk mengenalpasti nilai-nilai yang boleh membawa kita kepada kehidupan sejahtera berdasarkan anjuran Hamka.

Menjadi sebuah masyarakat yang progresif kadangkala boleh membawa kita kepada sifat luaran semata, ghairah material, sehingga kontang daripada sudut pengkayaan kalbu, kelabu dari segi matlamat keredhaan Ilahi. Lantaran itu, ramai, yang terumbang-ambing mencari pengertian. Pada hemat saya, kita boleh menjadikan pemikiran ulama seperti Hamka, untuk mengingatkan kita tentang nilai-budaya normatif, sebagai pedoman. Justeru itu, pedoman dari pemikiran ulama, bagi seorang insan Muslim, adalah bertepatan dengan tuntutan masyarakat dan budaya yang melingkungi kehidupan. Pedoman juga penting kerana kehidupan yang tidak diteraskan pada suatu ajaran agama akan terawang-awang tanpa memberikan sebarang erti dan tujuan.

KEPERIBADIAN HAMKA

Hamka dikenali sebagai seorang ilmuan yang membina sendiri kemampuan keilmuannya sehingga diiktiraf setanding dengan ilmuan yang menerima asuhan formal dari universiti-universiti terkemuka dunia. Beliau hanya menerima asuhan di peringkat persekolahan tidak formal, namun ketinggian ilmu-pengetahuan yang beliau pertontonkan, telah mengagumkan sarjana-sarjana di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Beliau mengungguli ilmu pengetahuan melalui minatnya membaca, berdiskusi dan mendengar para ilmuan berbicara. Muttaqien (1981: 128) mengatakan:

Tidak pernah mengalami sekolah yang formal. Lebih banyak belajar pada ayahnya Dr. Abdul Malik Amrullah dan iparnya Buya St. Mansur dan membaca sendiri, tetapi pengetahuannya sangat mendalam. Ia mempelajari ilmu, melalui bahasa Arab, dan pengetahuan bahasa Arabnya sudah termasuk dalam barisan sasterawan Arab, kerana ia telah dapat mendalami karya-karya sastera dalam bahasa Arab dan ia dapat membuatnya pula. Banyak ulasannya, sajak dan prosa Arab, baik yang klasik maupun yang moden.




Pandangan A. Hasjmy, seorang ulama, sasterawan dan mantan Gabenor Aceh, telah memberikan komentar berhubung dengan sumbangan Hamka. Hasjmy (1981:136) mengatakan:

Buya Hamka yang hidup sekitar 300 tahun setelah Hamzah Fansury adalah seorang ulama besar, ahli tafsir yang telah menyelesaikan tafsirnya selama almarhum dalam tahanan orde lama, sejarawan yang telah banyak mengarang buku-buku sejarah, wartawan yang amat tajam penanya, ahli tasawwuf atau filsafat yang terkenal dengan *Tasauf Modennya*, pemikir dan pembahas yang cepat tanggap seperti yang sering saya saksikan dalam berbagai seminar, pemimpin umat yang mempunyai pendirian tangguh, orator yang kalau berpidato membuat para pendengarnya terpaku di tempat.

Hamka, terkeluar dari garisan ulama tradisional, kerana beliau menggunakan pelbagai media, untuk menyampaikan pengajaran ilmu-Islam. Terutama, Hamka telah mengarang novel atau roman yang bertemakan cinta teruna-dara. Namun, jauh di dalam penceritaannya, beliau telah menyelitkan ajaran-ajaran Islam, yang tujuannya untuk memandu kehidupan manusia. Perbuatan baik yang beliau lakukan itu bukan senggang dari kritikan dan penghinaan. Beliau telah digelar sebagai 'ulama roman'. Hasjmy (1981:137) menjelaskan, "Lucunya, apabila Buya Hamka melalui jalan-jalan di kota Medan, anak-anak nakal yang telah terpengaruh dengan propaganda para ulama kolot tersebut menyorak-nyorak: *Hallo Ulama Roman, Hallo Ulama Roman van der Wijck!*" Namun, yang jelas adalah landasan perjuangan Hamka iaitu Islam. Segala yang diperkatakannya didasarkan pada anjuran al-Quran, hadith dan pandangan ulama-ulama muktabar.

Hamka sepanjang hayatnya dikenali sebagai seorang humanis yang rendah hati, seorang mubaligh yang khutbah dan pidato-pidatonya memikat. Pada hari-hari biasa, beliau menamatkan bacaan al-Quran setiap 5-7 hari dan setiap hari selama bulan suci Ramadhan. Perjalanan hidup Hamka tidaklah mendatar tanpa gejolak, tetapi adalah seperti manusia biasa yang penuh dinamik. Mungkin, daripada perjalanan hidup yang demikian, Hamka tidak membosankan dalam khutbah dan hangat dalam pergaulan. Hamka mengenal betul dunia manusia dan masalah tanah airnya, kerana hidupnya memang suka mengembara. Sehingga, Hamka mampu menghayati segi-segi positif dan negatif manusia, kekuatan dan kelemahannya. Pengetahuan Hamka yang mendalam mengenai manusia, tanah air dan bangsanya telah memperkaya penghayatan agamanya, sehingga para pendengar khutbah-khutbahnya mudah terbuka hati. Selain itu, Hamka memang juga lincah bertutur-kata dan hidup gaya bahasanya.

Hamka adalah tokoh multi-dimensi. Di samping dunia kepengarangan yang diminati dan sarat dengan sumbangannya, Hamka juga adalah ahli politik



Islam, politik bukanlah kerana beliau memegang tampuk kekuasaan atau pemerintahan. Politik dalam erti kata mempunyai kesedaran untuk membantu memperkukuhkan struktur dan mengisi fungsinya dengan nilai-nilai keagamaan. Peranan yang beliau mainkan itu adalah amat penting, kerana ini menyangkut makna dari hidup manusia sendiri baik sebagai individu, anggota masyarakat, sebagai warganegara yang bermartabat dan bertanggungjawab. Dimensi peranan Hamka dalam organisasi dan kemudiannya sebagai Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia adalah dimensi yang paling dalam, kerana ia menyangkut soal pokok, iaitu soal dimensi keagamaan.


Dimensi agama inilah yang memberikan motivasi dan inspirasi bagi Hamka untuk mempengaruhi kehidupan umat. Hamka, melalui karya-karya dan peranan berorganisasi amat sedar tentang cabaran yang mendepani manusia. Makin lama kita membangun makin jelas kita mempunyai masa depan yang lebih baik. Namun, pembangunan juga mengandungi bahaya, seperti bahaya pendangkalan kehidupan beragama dan hancurnya nilai-nilai kemanusiaan, bahaya makin besarnya ketidakadilan sosial dan bahaya hancurnya lingkungan hidup.

Kita mesti menyedari bahawa suatu bangsa yang sedang membangun memerlukan teladan-teladan yang baik dari pemimpin-pemimpinnya. Sebab pembangunan, sebagaimana sering dikemukakan, tidaklah hanya melingkupi bidang-bidang material akan tetapi juga spiritual atau pembangunan mental. Di sinilah letaknya peranan utama Hamka, memberi teladan dalam pembangunan spiritual dan mental, supaya semua individu memperoleh kehidupan sejahtera.

Selama hidupnya Hamka mengabdikan diri pada Allah s.w.t. dan masyarakatnya, baik sewaktu alam bebas atau pada saat beliau di penjara oleh regim Sukarno (1962-64). Menarik, dalam kata pendahuluan *Tafsir Al-Azhar*, juzuk satu, Hamka mengungkapkan:

Mengarang Tafsir di waktu pagi, membaca buku-buku di waktu petang hari, tilawatul Quran di antara Maghrib dan Isya, dan tahajjud serta munajat lepas tengah malam, adalah obat yang paling mujarab pengobat muram dan kesepian. Di waktu segala jalan hubungan di bumi ditutup orang, hubungan ke langit lapang terluang.

Walaupun Hamka dituduh dengan perkara-perkara yang tidak dilakukannya, misalnya ditangkap ketika sedang memberi pengajian di bulan Ramadhan, pengalaman pahit itu tidak mematahkan semangat Hamka dan tidak menyebabkan beliau menjadi pendendam. Namun, beliau mudah memaafkan dan menyesuaikan diri dengan keluarga Sukarno. Justeru, ulama ini memang memenuhi fungsi pemimpin rohani yang paling pokok iaitu sentiasa menjadi pelayan yang tidak boleh ditekan dan dibeli.



Perbincangan kita tentang keperibadian Hamka ini bolehlah disimpulkan dengan memetik sebuah hadith Rasulullah s.a.w. yang maksudnya, “Seorang mukmin tidak pernah kenyang melakukan kebaikan, kecuali kalau dirinya telah memasuki syurga”. Segalanya terbukti dengan penjelasan ringkas mengenai keperibadian Hamka yang berjuang dengan fikiran, kegiatan, kepengarangan dan sebagainya sejak zaman muda.


NILAI DALAM KARYA-KARYA HAMKA

Hamka banyak mengarang buku-buku mengenai falsafah kehidupan dan novel-novel yang bertemakan cinta, kerana melalui karya-karya seumpama ini beliau dapat menyampaikan buah fikiran mengenai cara-cara yang dirasakan betul mengikut lunas-lunas ajaran Islam untuk menjalani kehidupan. Melalui karya-karya seumpama ini, Hamka mengenal pasti nilai-nilai yang telah membawa dan dirasakan boleh diteruskan untuk membawa individu ke tangga kejayaan. Nilai-nilai yang akan saya cungkil daripada karya-karya Hamka adalah: nilai kesederhanaan; nilai *qana'ah*; nilai kekeluargaan; nilai ketenangan dan kejernihan yang terpancar dari cahaya muka; nilai persaudaraan dan ikatan dalam kumpulan; nilai tolong-menolong; nilai cinta-mencintai; nilai keagamaan; nilai budi; dan nilai Islam/tasawuf. Cara Hamka menyerapkan nilai-nilai murni kehidupan adalah melalui novel-novelnya. Justeru itu, membaca novel-novel Hamka membolehkan kita memahami konteksnya melalui watak-watak yang dikemukakan.

NILAI KESEDERHANAAN

Pertama, nilai kesederhanaan, tidak berlebih-lebihan kepada sesebelah, sama ada terlalu ke kiri atau terlalu ke kanan. Hamka, benar-benar menganjurkan kepada kita supaya benar-benar mengikut nilai kesederhanaan, kerana pendirian hidup Muslim senantiasa berhadapan dengan kenyataan. Ideal senantiasa bertentangan dengan yang *real*. Hamka menjelaskan hal ini dalam bukunya, *Pandangan Hidup Muslim* (hlm.185):

Dalam membela pendirian *Laa Ilaha Illallah Allahu Akbar*, tiada Tuhan melainkan Allah, beribu kesulitan yang harus kita tempuh. Jiwa murni kebetulan terletak dalam rangka tubuh yang terjadi daripada benda, dari air dan tanah. Dia minta makan buat hidup, dia minta air buat minum. Kalau tidak, dia mati. Dia pun meminta kediaman yang sederhana, sebab si tubuh ini tidaklah tahan ‘berhujan panas’. Dia pun meminta pakaian pembalut tubuh, sebab dia tidak tahan



kedinginan dan kepanasan. Terlalu diperturutkan kehendak rohani, kita pun lapar. Terlalu diperturutkan kehendak jasmani, mundurlah nilai-nilai yang lebih tinggi dalam hidup dan bertukarlah insan jadi binatang.

Hamka menjelaskan hal nilai kesederhanaan ini dalam novel *Tuan Direktur* (hlm. 35), dan contoh yang diberikannya ialah:


Lihat olehmu orang yang menang loteri, iaitu ditimpa laba dengan tiba-tiba, ada yang putus nyawanya ketika itu juga, kerana kesangatan girang maka laba itu menjadi bala. Engkau tahu sendiri bahawa segala yang terlalu di dunia ini, wujudnya hanya mati. Terlalu sakit mati, terlalu riang mati, terlalu gelak mati. Terlalu menangis dan sedih mati. Terlalu dapat laba, mati juga.

Nilai kesederhanaan berkaitan dengan nafsu. Justeru itu, manusia memang diperingatkan oleh Islam supaya mengawal desakan nafsunya. Dalam karya bercorak falsafah etika pembangunan diri berjudul *Falsafah Hidup* (hlm.163) Hamka mengatakan:

Maka kalau sekiranya kita perturutkan sahaja kehendak nafsu, tidak kita beri batas perjalanannya supaya sederhana, tidaklah perjalanan nafsu itu akan berhujung. Pada hal jika kita terima sahaja apa yang ada, kita sabar dan tahan hati, kita berusaha hanya menghindarkan pengangguran di dalam hidup, maka nafsu itu akan menerima berapa pun yang ada.

Hamka menerapkan nilai kesederhanaan dengan sifat kasih-sayang sesama manusia. Kaitan ini dapat kita lihat dalam penjelasannya dalam *Keadilan Sosial dalam Islam* (hlm.87) apabila beliau mengatakan:

Dasar kesederhanaan ialah rasa *rahim*. *Rahim* adalah satu pecahan daripada sifat Tuhan. Hambanya dianjurkan memakai sifat Tuhan ini. Nabi s.a.w. bersabda “Tidaklah beriman seseorang kamu, sebelum dia merasa *rahim*.” Lalu seorang sahabat berkata, “Semua kami berhati *rahim*”. Nabi s.a.w. menjawab, “Yang aku maksudkan bukanlah *rahim* seseorang kepada kawannya sahaja, melainkan merata kepada seluruh manusia.”

NILAI *QANA'AH*

Kedua, nilai *qana'ah* iaitu suatu keadaan yang dikatakan tercapai kehidupan sejahtera. Malah, Hamka memberi penekanan kepada tahap kehidupan yang dikatakan *qana'ah* ini. Dalam *Tasauf Moden* (hlm. 219) Hamka menjelaskan maksud *qana'ah*:


Qana'ah, ialah menerima cukup. *Qana'ah* itu mengandungi lima perkara - pertama, menerima dengan rela akan apa yang ada. Kedua, memohon pada Tuhan tambahan yang pantas dan berusaha. Ketiga, menerima dengan sabar akan ketentuan Tuhan. Keempat, bertawakkal kepada Tuhan. Kelima, tidak tertarik oleh tipu-daya dunia. Itulah yang dinamai *qana'ah*, dan itulah kekayaan yang sebenarnya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Bukanlah kekayaan itu lantaran banyak harta, kekayaan ialah kekayaan jiwa.

Nilai *qana'ah* yang dianjurkan oleh Hamka ini dihubungkan dengan prinsip bekerja, beliau mengatakan dalam *Tasauf Moden* (hlm. 212):

Barangsiapa yang telah beroleh rezeki, dan telah dapat yang akan dimakan sesuap pagi sesuap petang, hendaklah tenang hati, jangan merasa ragu dan sepi. Tuan tidak dilarang mencari penghasilan, tidak disuruh berpangku tangan dan malas lantaran harta telah ada, kerana yang demikian bukan *qana'ah*, yang demikian adalah kemalasan. Bekerjalah, kerana manusia dikirim ke dunia buat bekerja, tetapi tenang hati, yakinlah bahawa di dalam pekerjaan itu adalah kalah dan menang. Jadi tuan bekerja bukan lantaran memandangi harta yang telah ada belum mencukupi, tetapi bekerja lantaran orang hidup tak boleh menganggur.

Penekanan yang diberikan oleh Hamka ialah melakukan pekerjaan itu hendaklah mengikut kehendak jiwa dan tidak bertentangan dengan apa yang diperintah oleh Allah s.w.t. Jika ini terjadi, terjalinlah kegembiraan jiwa dan kesejahteraan hidup. Dalam melakukan pekerjaan ini, individu perlu menimbang prinsip untuk mencapai kesejahteraan, bukannya seperti yang digambarkannya dalam *Keadilan Ilahi* (hlm. 49):

Melihat yang telah terkumpul di dalam tangan, timbullah nafsu buat menambahnya lebih banyak lagi, sampai lupa kepada kebersihan diri pun, lupa kepada makanan yang enak-enak, lupa kepada kediaman bersih, hanya ingat bagaimana supaya wang itu bertambah.



Namun, Hamka mengingatkan, dalam mencari kesejahteraan melalui bekerja kuat, jangan pula terjerumus sampai kepada “semangat mengumpul harta yang terlalu banyak”. Peringatan ini dinyatakan oleh Hamka dalam novelnya *Tuan Direktur* (hlm.36) dengan mengatakan:

Niat bapa bermula hendak jadi orang kaya. Tetapi setelah sampai ke mari bapa lihat, kalau orang hendak jadi kaya mesti berlaku kejam kepada sesama manusia, undurlah bapa dari niat itu. Bapa ubah niat bermula, ialah biarlah jadi orang yang beroleh sesuap pagi dan sesuap petang saja, tetapi dapat tenteram dalam hidup, dapat membantu fakir dan miskin, dapat pula mempunyai tanah untuk beribadat di hari tua.


NILAI KETENANGAN DAN KEJERNIHAN CAHAYA MUKA

Ketiga, nilai ketenangan dan kejernihan yang terpancar dari cahaya muka. Hamka menjelaskan hal ini dalam bukunya *Pandangan Hidup Muslim* (hlm.210) apabila beliau mengatakan:

Yang mempunyai cahaya istimewa itu adalah dua rupa orang. Pertama, seorang saleh yang kuat hubungannya dengan Allah. Kedua, seorang berpangkat yang kuat hubungannya dengan orang yang memerintah. Yang pertama mendapat cahaya dari langit. Yang kedua mendapat cahaya dari bumi.

Orang yang kedua akan hilang cahayanya ketika tidak lagi menduduki kursi kuasa. Berbeza dari yang pertama cahaya ketenangan dan kejernihan akan terus terpancar dari wajahnya, walaupun dia sudah tiada di tempat itu atau sudah kembali ke rahmatullah. Mereka, kata Hamka dalam *Pandangan Hidup Muslim* (hlm. 211-212):

Ulama yang saleh. Ulama yang berani mengatakan yang benar, walaupun dunia menjadi lawannya. Ulama yang berani menegakkan yang hak walaupun lehernya akan putus. Perangainya lain benar. Dia laksana orang yang sombong apabila berhadapan dengan penguasa dunia. Tetapi dia sangat merendahkan diri apabila berhadapan dengan orang yang lemah. Baru saja anda duduk di hadapannya, sinar matanya telah menembus ke dalam hatimu, sehingga anda menerima segala sesuatu dengan hati ridza. Anda merasa tenteram melihat mulutnya yang komat-kamit menyebut nama Tuhan. Bila anda tinggalkan majlis itu, sinar matanya itu masih tetap melekat dalam ruang matamu dan menembus ke dalam sanubarimu. Berhenti fikiranmu dan subur perasaan halusmu. Berniat engkau hendak meniru jejak beliau.



Orang seumpama yang dinyatakan oleh Hamka itu dapat membawa individu-individu lain untuk mengecapi kehidupan sejahtera. Ini dapat dilihat daripada gambaran Hamka dalam *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (hlm.5) dengan mengatakan tentang watak Hamid sebagai:

Hidupnya sangat sederhana, tiada lalai daripada beribadat, tiada suka membuang-buang waktu kepada yang tidak berfaedah, lagi pula sangat suka memerhatikan buku-buku agama, terutama kitab-kitab yang menerangkan kehidupan orang-orang yang suci, ahli-ahli tasauf yang tinggi.

Begitu juga gambaran Hamka mengenai watak Pak Yassin dalam *Tuan Direktur* (hlm.15) dengan mengatakan:


Ia seorang tua yang bertabiat aneh terlalu pemurah dan ramah-tamah. Rumah-rumah petak itu didirikannya untuk dipersewakan, tetapi segenap penyewanya yang terdiri dari kalangan rendah itu, tidaklah memandangnya sebagai majikan atau tuan tanah tempat mereka menumpang - bahkan mereka anggap sebagai bapa.

Namun, Hamka juga mengingatkan kita supaya menjauhi tiga jenis manusia yang melakukan tiga perkara tercela di dunia ini. Ingatan Hamka ini terdapat dalam novel terkenal beliau *Tenggelamnya Kapal van der Wijck* (hlm.151). Hamka menjelaskan:

Pertama, orang dengki, yang selalu merasa sakit hati melihat orang diberi Allah nikmat. Kesakitan hatinya itulah yang menyebabkan dia celaka, padahal nikmat Allah tak dapat dihapuskan oleh tangan manusia. Kedua, orang yang tamak dan loba, yang senantiasa merasa belum cukup dengan apa yang telah ada dalam tangannya, selalu menyesal, mengomel, padahal yang akan didapatnya tidak akan lebih daripada yang telah ditentukan Allah dalam kudrat-Nya. Ketiga, orang berdosa yang terlepas dari tangan hakim kerana pencurian atau pembunuhan, kerana memperkosa anak bini orang.

NILAI PERSAUDARAAN DAN IKATAN KUMPULAN

Keempat, nilai persaudaraan dan ikatan dalam kumpulan. Kehidupan Hamka secara peribadi adalah sebagai Imam di Masjid Agung Al-Azhar dan di Masjid itulah berkumpulnya ahli-ahli jemaah dari berbagai lapisan sosial. Mereka yang menjadi jemaah di situ membina ikatan persaudaraan dalam kumpulan kepentingan bersama. Menjenguk ke dalam karya sastera dan karya falsafah, Hamka



menyenangi kehidupan begitu, lalu melalui watak Pak Yasin dalam novel *Tuan Direktur* Hamka mengeluarkan pemikirannya. Pak Yasin pernah menyuruh Taslim menjualkan semula baju yang telah dibelinya dengan harga yang mahal. Hamka, menggambarkan hal ini dalam novelnya *Tuan Direktur* (hlm. 16) kerana menurut Hamka hidup dalam ikatan jemaah mestilah “susah-senang dirasai bersama” dan ini dijelaskan:

Lebih baik engkau jual baju itu kembali, Taslim, beli empat helai baju lain, bagikan kepada Pak Dollah, Warsito, Pak Nor, kerana mereka itu sekarang ini ketiadaan wang untuk membeli meski agak sehelai baju di hari lebaran ini.

Nasihat ini diikuti oleh Taslim walaupun pada peringkat awalnya dia agak keberatan. Hasilnya:

Heran! Jangkaan susut kegirangannya sebagai sangkanya bermula, bahkan semakin berbahagia rasa hatinya, demi menengok paras yang berseri-seri dari ketiga orang yang mendapat hadiah sekonyong-konyong itu.


Namun, dalam membina ikatan persaudaraan atau memilih kawan, Hamka memperingatkan kita, supaya berhati-hati kerana dalam *Tuan Direktur* (hlm.14), beliau memberikan gambaran:

Tetapi sekarang sejak dia merasa bahawa dirinya kaya dan wangnya cukup sudah untuk menjadi kuda menuju maksudnya - ia sebenarnya miskin, miskin dengan handai sahabat yang jujur setia. Bahkan kian miskin dia dengan budi - kerana ia sekarang sepanjang hari rintang disayang dan dipuji orang yang pandai bertanam tebu di bibir. Demi kemiskinan budinyalah maka ia sekarang menjadi ... takbur!

Hamka, mengingatkan kita supaya hidup individu mestilah kaya dengan kenalan, kawan dan sahabat. Tidak rugi mempunyai kawan yang ramai, namun perlu diperhatikan jenis individunya. Mestilah mencari individu yang berakhlak mulia, supaya persahabatan dengan mereka boleh membawa kita ke jalan yang baik.

NILAI TOLONG-MENOLONG

Kelima, nilai tolong-menolong. Hamka, dalam karya-karyanya suka menganjurkan supaya individu-individu dapat mewujudkan suasana kerjasama, muafakat dan



tolong-menolong antara satu dengan lain. Hamka dalam *Menunggu Bedok Berbunyi* (hlm.25) menurunkan perasaan simpati dalam hubungan manusia ini dengan rangkap-rangkap ini:

Jangan kita tertawakan orang yang jatuh. Tapi marilah bersyukur sebab kita tidak jatuh. Memang sulit jalan yang kita tempuh, lebih sulit dari yang dapat dikira-kira. Marah ialah kebiasaan orang bersama. Tetapi belas kasihan adalah kebiasaan orang yang utama.

Kehidupan tolong-menolong ini dianjurkan oleh Hamka dalam karya falsafahnya *Lembaga Hidup* (hlm.11) dengan mengatakan:

Kita dituntut supaya mengemukakan tiap-tiap diri untuk kebaikan masyarakat dan pergaulan bersama. Lurus, jujur, tulus, dan ikhlas, boleh dipercayai, tetap hati, teguh janji, hormat dan khidmat yang semuanya itu bernama 'akhlak', adalah menjadi undang-undang yang asli daripada ketegakan masyarakat.


Bagaimana untuk mencapai tingkat "istana yang indah dalam diri?" Berhubung dengan persoalan ini Hamka menegaskan dalam novelnya *Kerana Fitnah* (hlm.28) dengan mengatakan:

Tidaklah cukup kalau hanya perasaan saja yang mengungkung langkah manusia kalau tidak diiringi oleh pendidikan agama, kesopanan dan kemuliaan batin.

NILAI CINTA

Keenam, nilai cinta. Hamka menggunakan konsep cinta untuk menggambarkan bahawa kehidupan ini menjadi tandus dan gersang tanpa adanya ikatan cinta. Cinta yang diutarakan oleh Hamka bukanlah cinta teruna dan dara, tetapi jangkauan cinta itu meluas dan berpaksi kepada Khaliq yang mencipta semua makhluknya. Perasaan cinta ini dapat diperhatikan daripada petikan-petikan dari novel Hamka yang terkenal *Tenggelamnya Kapal van der Wijck*. Antaranya, Zainuddin, watak utama dalam novel tersebut, seolah-olah telah mendapat semangat untuk hidup setelah kecewa cintanya dengan Hayati kerana bagi Hamka:

Bahawa banyak orang besar-besar yang kalah dalam percintaan, lantaran kekalahan itu dia ambil jalan lain, dia maju dalam politik, dalam mengarang syair, dalam mengarang buku, dalam perjuangan hidup, sehingga dia naik ke atas puncak yang tinggi, yang perempuan itu wajib melihatnya dengan menengadah dari bawah. Dengan itu,



biar hatinya sendiri hancur dalam kekecewaan yang pertama, maka orang banyakkah yang mengambil hasilnya. (hlm.153)

Kegagalan cinta pertama kepada Hayati telah mendorong Zainuddin untuk membetulkan perspektif kaumnya, yang terlampau menjulang adat sehingga mengorbankan cinta dua insan yang sedang berkasih-sayang. Zainuddin menjadi pengarang terkenal dan menjadi seorang dermawan yang sentiasa membantu orang-orang yang terlantar. Kegagalan cinta menjadikan Zainuddin bukan sahaja seorang dermawan, tetapi beliau tidak terpaut kepada kekayaan wang kerana:

Demikianlah ahli seni, tidak peduli kepada wang, kerana kekayaan yang sangat dicita-citakan oleh ahli seni bukan kekayaan wang, tetapi kekayaan bahagia, kekayaan alam yang tercurah ke dalam kalbunya. (hlm.157)


Menyimpulkan nilai cinta ini, kita lihat pula dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (hlm.60) apabila melalui watak Hamid, Hamka menjelaskan cinta dan penyusupannya dalam pandangan hidup individu. Hamka mengatakan:

Dahulu kalau disebut orang kepada saya untung dan bahaya, tidak lain yang terlintas dalam fikiran saya daripada rumah yang indah, gedung yang permai, wang berbilang, emas bertahil, cukup dengan kenderaan dan kehormatan, dijunjung orang ke mana pergi. Sekarang saya telah insaf, bahawa semua ini bukan untuk bahagia, yang sejati ialah jika kita tahu, bahawa kita bukan hidup terbuang di dalam dunia ini, tetapi ada orang yang mencintai kita.

NILAI KEAGAMAAN

Ketujuh, nilai keagamaan. Hamka dalam bukunya *Pandangan Hidup Muslim* (hlm. 169-175) mengatakan bahawa agama yang benar mesti mempunyai ciri-ciri:

1. Memperluaskan pandangan kita.
2. Tidaklah mengenal batas kaum, suku, bangsa jenis dan warna kulit.
3. Memperluaskan timbangrasa di antara sesama manusia.
4. Meniupkan kehidupan hati sanubari.
5. Berani revolusioner kepada dirinya sendiri, melawan kesempitan pandangan patriotisme - *Right or wrong is my country*. Akan berlaku seperti kata pepatah, "Bapa melapah daging, anak melapah tulang."
6. Guru yang berpegang pada agama yang benar akan memasukkan semua pengajarannya dengan jiwa agama.



Hamka menyimpulkan dalam bukunya *Pandangan Hidup Muslim* (hlm.199):

Ilmu baru sempurna kalau beragama. Agama baru cukup kalau berilmu. Keduanya membuka rahasia alam dari seginya masing-masing. Keduanya adalah minuman yang tak terpisah, untuk menghilangkan dahaga jiwa manusia, sehingga manusia itu mencapai hidup yang seimbang. Tujuan dari agama yang benar dan ilmu yang benar hanyalah satu, iaitu menuju mendekati “kebenaran yang mutlak.” Ilmu untuk mengetahuinya dan agama untuk merasainya. Ilmu untuk bendanya. Agama untuk jiwanya. Akal untuk memperkuat iman beragama, dan agama untuk memberi arah mulia dari akal.


NILAI BUDI

Kelapan, nilai budi. Hamka bermadah yang sehingga ini sering dipetik iaitu yang terdapat dalam bukunya *Lembaga Budi* (hlm.8):

Diribut runduklah padi,
Dicupak Datuk Temenggung;
Hidup kalau tidak berbudi,
Duduk tegak ke mari canggung.

Kemudian, beliau memetik pula sebuah pantun oleh Shauqi Bey yang berbunyi, “Satu bangsa terkenal ialah lantaran budinya, kalau budinya telah habis, nama bangsa itupun hilanglah.” Hamka menjelaskan untuk menegaskan nilai budi mulia di dalam kehidupan ini, individu manusia mestilah ingat dan insaf tentang tiga perkara, iaitu:

1. Pertama, hendaklah pada diri itu ada kemahuan hendak menurut jalan yang benar dan menjauhi kehendak jahat. Sebab pedoman itu adalah pada nafsu. Kalau nafsu dituruti, dialah yang menjadi raja di dalam kehidupan, tetapi kalau tidak semua kehendaknya dituruti, selamatlah dia di dunia dan di akhirat (hlm.8).
2. Kedua, hendaklah sanggup melawan kehendak nafsu kepada keburukan, dan sanggup pula melawan kehendak nafsu yang lalai daripada kebaikan (hlm.8).
3. Ketiga, maka jauhilah daripada amal mengharapkan penghargaan manusia itu. Tetapi carilah amal yang disukai Allah s.w.t. Amalan yang kerana rindu masuk syurga dan takut masuk neraka itu, lebih tinggi darjatnya daripada amalan kerana mencari puji manusia itu (hlm.9).



Hamka menjelaskan orang yang tidak memiliki nilai budi mulia ini ialah:

Orang yang sempit lapangan hidupnya sehingga tidak kelihatan olehnya orang lain, melainkan hanya dirinya sendiri saja, tabiatnya yang dinamai egoistik, maka itulah orang yang sedekat-dekat kepada berbuat jahat. Sebab segala kejahatan yang dilakukannya itu dirasanya hanya faedah untuk dirinya seorang dengan tidak diketahuinya atau tidak diambilnya perhatian kalau-kalau kelobaannya itu akan merugikan kepada orang lain. (hlm.12)

Dalam karya-karyanya Hamka mengingatkan kita semua supaya mengenang budi orang lain kepada kita. Ingatan Hamka dalam *Lembaga Budi* (hlm.137):

Melupakan jasa dan tidak menghargai kelebihan orang lain adalah alamat kekecilan jiwa. Orang yang percaya akan dirinya tidaklah melupakan jasa dan tidaklah memandang enteng keutamaan orang lain.


Budi adalah suatu nilai yang semestinya disanjung oleh semua individu, kerana dalam *Merantau ke Deli* (hlm.3) Hamka mengingatkan:

Sesungguhnya dunia ini tidak pernah mempunyai kecukupan. Jika orang berlari mengejar kekayaan wang, dengan tidak merasa orang telah miskin dalam perkara budi. Kalau orang berlari mencari sahabat yang akan mengangkat-angkat, dengan tidak sedar ia pun telah miskin dari sahabat yang sanggup menunjuk menyantuninya. Kalau orang berlari di dalam kalangan orang tinggi-tinggi, dengan sendirinya, orang itu pun kehilangan teman dalam kalangan orang rendah-rendah.

NILAI KEKELUARGAAN

Kesembilan, nilai kekeluargaan. Keluarga adalah asas masyarakat. Keluarga dan rumahtangga adalah sumber ketenangan dan kedamaian hidup. Kemiskinan hidup bagi Hamka bukanlah semata-mata disebabkan oleh ketiadaan wang. Tetapi, kata Hamka dalam cerpennya yang dibukukan dengan judul *Di Dalam Lembah Kehidupan* (hlm.18) memberikan gambaran:

Walau bagaimana jua pun kecilnya pencarian, asal si suami sehaluan dengan isteri, sakit sama-sama ditanggungkan, sukar sama-sama ditempuhi dan beruntung sama-sama tertawa, maka segala kesukaran



tentu akan hilang dengan sendirinya atau akan ringan dipikul. Sebab “miskin” tidak boleh dijadikan alasan akan bersedih hati dalam kehidupan. Selama seorang minta-minta masih perlu kepada rumah tempat diam, seorang raja masih perlu kepada mahligai, selama orang kaya masih perlu kepada kuli, selama itu pulalah dunia ini akan tetap didiami oleh penduduk yang miskin.

Keamanan dan kesejahteraan dalam hidup akan hanya tercapai jika:

Seorang kuli penyapu lebu, akan berasa kaya-raya juga, jika kehidupannya di dalam rumahtangga aman dan damai. Seorang tuan tanah yang berpendapatan seribu rupiah sehari, jika ia tidak sehaluan dengan isterinya di dalam rumahtangga nescaya akan merasa sangat miskin.


Nilai kekeluargaan ini perlu diketengahkan kerana di situlah letaknya ketenangan, kedamaian dan kelangsungan hidup manusia. Institusi keluarga perlu sentiasa disirami dengan hikmah dan belaian, supaya individu dapat merasai nikmat berada di dalamnya. Pemupukan nilai-nilai murni dalam institusi keluarga perlu dilihat melalui pertimbangan akal dan perasaan. Perasaan menyemarakkan rasa kasih-sayang, belas-kasih dan rasa tanggungjawab yang bersumber dari agama. Hamka memperlihatkan contoh melalui watak Betsy yang mendapat ‘Nur Illahi’ dan telah diIslamkan dengan nama Mardhiah Hayati. Pada peringkat awalnya, keluarga menentang kerana takut mereka akan kehilangan kasih-sayang Betsy. Namun, dalam *Cermin Penghidupan* (hlm.55) Hamka merakamkan:

Kusangka dahulunya jika orang masuk Islam, bertukarlah kasih cintanya dengan benci dendam, sehingga saya merasai saya kehilangan Diah. Tetapi sekarang lain sekali sikapnya. Dia telah kembali jadi anakku. Dia mencintai aku, dia menghormati orang tua dan berbaik- baik dengan saudara-saudaranya semua. Sekarang dia pun dikasihani di rumah. Kami tidak kerugian lagi kerana dia masuk Islam.

Hamka mahu memperlihatkan bahawa syariat Islam itu sendiri harmonis dengan dasar cinta. Harmonis dan cinta ini menyebabkan umat Islam bersikap penyantun dan hormat-menghormati.

NILAI TASAUF

Kesepuluh, nilai tasauf. Nilai tasauf amat disukai oleh Hamka, kerana itulah beliau menganjurkan supaya dijadikan sebagai intisari hidup. Hamka menjelaskan



secara ringkas erti tasauf dalam bukunya *Pandangan Hidup Muslim* (hlm.43-44) dengan mengatakan:

Ilmu tasawwuf ialah ilmu untuk menuntun senak hati, kerana rindu biar hangus dalam cahaya-Nya. Setiap insan ada mempunyai bakat tasawwuf dalam batinnya. Betapa tidak? Pada hal dia adalah qabas (gejala) daripada roh pencipta 'Kun'. Cuma kadang-kadang dia terbenam atau pudar kerana ditimpa penyakit lain. Bukan sedikit yang mengganggu tubuhnya. Ibarat pelita yang sedang menyala, bukan sedikit angin yang mengganggu akan menyebabkan padamnya.

Kemajuan hidup manusia ini, akan tinggallah laksana bingkai gambar yang kehilangan jiwa, kalau kemajuan badannya tidak diimbangi dengan kemajuan jiwanya.

Suatu kemajuan dan peradaban, suatu kebudayaan pun yang akan hidup lama dan tahan uji, ialah yang seimbang, setimbang di antara kesuburan benda dengan kesuburan rohaniah. Sebab begitulah hakikat insan yang sejati.


Tasauf yang diberikan penekanan oleh Hamka adalah yang bersangkutan dengan pembinaan peribadi untuk peribadi itu lebih dekat dengan ajaran-ajaran suci Islam. Hamka juga menegaskan dalam bukunya *Tasauf - Perkembangan dan Pemurniannya* (hlm.9) bahawa tasauf itu:

Menjadi tempat lari dari orang yang telah terdesak. Tetapi pun tasauf telah menjadi penguat pribadi bagi orang yang lemah. Dan tasauf pun menjadi tempat berbijak yang teguh bagi orang yang telah kehilangan tempat tegak ... Jika keduniaan telah diborong belaka oleh pihak musuh, maka ummat mencari kebahagiaannya di dalam perasaannya sendiri, dalam membina kebahagiaan jiwanya sendiri.

Berhubung dengan nilai tasauf ini, Hamka menganjurkan untuk mencapai kehidupan sejahtera, individu sewajarnya menyedari:

Semata-mata hidup kebendaan ternyata hanya menimbulkan rasa kebencian dan kedengkian sesama manusia. Baik di antara orang seorang dengan orang seorang, apatah lagi di antara bangsa yang lebih banyak mendapat benda dengan bangsa yang mendapat sedikit. (hlm.14)

Melalui tasauf seseorang individu itu dapat mencapai tahap kesempurnaan sendiri kerana hatinya menjadi bersih dan jiwanya menjadi murni. Hamka mengatakan dalam *Tasauf - Perkembangan dan Pemurniannya* (hlm.17) bahawa seseorang itu akan mencapai:



Hidup yang ditegakkan atas kemurnian jiwa dan kebersihan hati. Tiangnya ialah memandang alam dengan pandangan Kesatuan, sehingga hilang dan rombak segala batas-batas negeri dan terkumpul menjadi satu, iaitu kemanusiaan. Dan tujuannya ialah *ma'rifat* (pengetahuan), keyakinan dan kebahagiaan yang sejati.

Namun, Hamka mengingatkan nilai keperibadian seseorang boleh runtuh jika mereka terperangkap dalam situasi yang menjadikan diri terlampau materialistik. Kata Hamka dalam novel *Tuan Direktur* (hlm.52) seseorang itu boleh menjadi sesat jika dia melakukan tiga perkara:


Pertama, kesombongan terhadap sesama manusia, terutama kepada orang bawahanmu. Kedua, loba kepada harta dan kehormatan, tetapi loba kepada kehormatan itulah yang lebih besar. Ketiga, meskipun kau hidup di zaman moden, engkau masih percaya kepada tahayul.

Terlalu banyak mutiara pengajaran mengenai nilai-nilai murni yang dikemukakan dalam kesemua karya ilmu, karya sastera, ceramah, khutbah dan sebagainya oleh Hamka. Namun, dalam makalah ini saya telah membicarakan sepuluh nilai-nilai murni yang dirasakan penting untuk membawa diri kita kepada kehidupan sejahtera. Kehidupan sejahtera yang sewajarnya kita usahakan untuk mencapainya, kerana kesejahteraan itu letaknya bukanlah pada kemewahan yang melimpah-ruah semata. Jalan untuk mencapai kesejahteraan itu letaknya pada perasaan. Bagi mengawal dan meletakkan perasaan itu pada keadaan yang sejahtera - kita perlu menilai kembali apa-apa yang disarankan oleh Hamka dalam perbincangan kita tadi. Justeru, Hamka juga mengingatkan individu-individu melalui novelnya *Tenggelamnya Kapal van der Wijck* (hlm.191):

Saya tidak insaf bahawasanya panas akan berganti juga dengan hujan, bahawasanya kehidupan ini adalah laksana roda pedati, turun naik silih berganti. Saya tidak insaf bahawa kelak saya akan mengemis kepada orang yang pernah saya hinakan.

PENUTUP

Hamka pujangga Alam Melayu yang banyak mengarang buku-buku dalam pelbagai genre dengan tujuan untuk membawa individu-individu keluar dari budi pekerti yang tercela dan masuk kepada budi pekerti yang terpuji. Justeru itu, kita dapat memahami bahawa Hamka berperanan sebagai penghidang maklumat, pengetahuan dan ilmu dalam menyenaraikan nilai-nilai yang dapat




membantu individu-individu untuk membersihkan jiwa, mendidik dan mempertinggi darjat budi.

Namun, Hamka juga mengingatkan individu-individu bahawa yang boleh merosakkan kemurnian jiwa adalah sifat kelobaan dan kerakusan. Individu-individu yang cenderung kepada sifat-sifat tamak, loba dan tidak pernah merasa cukup itu bukan sahaja merosakkan kehidupan dirinya tetapi kesannya adalah kepada masyarakat seluruhnya. Justeru itu, Hamka menyeru individu-individu supaya berusaha untuk memerangi syahwat yang terlebih dari keperluan untuk kesentosaan diri. Hamka menyalin pandangan Sayid Rashid Ridha yang mengatakan, "Zuhudlah kepada dunia supaya Allah cinta kepadamu dan zuhud pulalah terhadap kepada yang di tangan manusia, supaya manusia pun suka kepadamu." Hamka juga memetik pandangan Imam Nawawi yang menyalin perkataan Imam Syafie yang berkata, "Menuntut berlebih harta-benda, walaupun pada yang halal, adalah siksa yang diberikan Allah kepada hati orang yang mukmin."

RUJUKAN


- Hamka. 1962. *Ayahku*. Djakarta: Djajamurni.
- Hamka. 1966. *Kenang-Kenangan Hidup*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Hamka. 1975. *Di Dalam Lembah Kehidupan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1976. *Cermin Penghidupan*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Hamka. 1976. *Di Bawah Gema Takbir*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.
- Hamka. 1976. *Di Bawah Lindungan Ka'abah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1976. *Falsafah Hidup*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1976. *Lembaga Budi*. Melaka: Penerbit Abbas Bandung.
- Hamka. 1977. *Keadilan Illahi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1977. *Keadilan Sosial Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1977. *Pandangan Hidup Muslim*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Hamka. 1979. *Merantau Ke Deli*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1979. *Tasauf Moden*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Hamka. 1979. *Tenggelamnya Kapal van der Wijck*. Jakarta: Bukit Bintang.
- Hamka. 1979. *Tuan Direktur*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1981. *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1983. *Peribadi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1993. *Tasauf - Perkembangan dan Pemurniannya*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.



- Hasjimy A. 1979. Prof. Dr. Hamka Yang Saya Kenal, dlm. *Kenang-Kenangan 70 Tahun Buya Hamka*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Hasjimy A. 1981. Buya Hamka Pujangga yang Menyuarakan Dakwah Islamiah, *Perjalanan Terakhir Buya Hamka*. Penerbit Panji Masyarakat.
- Muttaqien. 1981. *Perjalanan Terakhir Buya Hamka*. Penerbit Panji Masyarakat.
- Sutan Takdir Alisjahbana. 1974. *Values as Integrating Forces in Personality, Society & Culture*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sutan Takdir Alisjahbana. 1982. *Sejarah Kebudayaan Indonesia Dilihat dari Segi Nilai-nilai*. Jakarta: Penerbit PT Dian Rakyat.

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM)
Universiti Utara Malaysia





MALIM Bil. 10 (2009)

144

